

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 04/08/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 15
Tajuk : ANGKASA mahu bekal makanan halal ke Sukan Olimpik Tokyo

Angkasa mahu bekal makanan halal ke Sukan Olimpik Tokyo

KUALA TERENGGANU - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sedang meneroka peluang untuk membekalkan produk makanan halal untuk kontinjen Sukan Olimpik Tokyo pada tahun 2020.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya mendapat permintaan daripada Kesatuan Koperasi Pengguna Jepun (JCCU) untuk membantu mengeksport produk halal ke-



ABDUL FATTAH (depan enam dari kanan) bersama peserta program Pemeraksanaan Strategi Perniagaan Koperasi peringkat negeri Terengganu di Hotel Permai, Kuala Terengganu semalam.

luaran koperasi tempatan bagi keperluan atlet dan pegawai beragama Islam sempena temasya

sukan terbesar dunia tersebut. "Angkasa sedang mendapat kerjasama dengan Jabatan Ke-

majuan Islam untuk membantu koperasi tempatan memenuhi kriteria persijilan halal ber-

hubung urusniaga tersebut yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit.

"Sesi perbincangan sedang berlangsung dengan JCCU dan dijangka dimuktamadkan pada tahun hadapan," katanya pada program Pemeraksanaan Strategi Perniagaan Koperasi peringkat Terengganu di sini semalam.

Abdul Fattah berkata, selain persijilan halal daripada Jakim, produk makanan halal yang hendak dibekalkan untuk Sukan Olimpik Tokyo tersebut dikehendaki mengikut piawaian pihak berkuasa Jepun yang agak tinggi.